

# Bantu usahawan tani: PM

Abdullah tegur bank sukar lulus pinjaman untuk sektor pertanian

Oleh Norfatimah Ahmad

**S**ERDANG: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam menegur bank dan institusi kewangan yang disifatkannya masih tidak membantu menyediakan pinjaman kepada petani, penternak dan nelayan bagi memajukan sektor pertanian.

Perdana Menteri berharap institusi berkenaan bersikap lebih terbuka dan yakin terhadap keupayaan sektor itu seiring hasrat kerajaan menjadikan industri pertanian serta asas tani sebagai antara teras penting untuk menjana pertumbuhan ekonomi negara.

"Rasanya masalah itu (mendapatkan pinjaman daripada institusi kewangan) masih berlaku sebab itu ketika saya menyebut mengenainya dalam ucapan saya, ramai yang bertepuk tangan.

"Sebelum ini, kita sudah maklumkan supaya bank lebih yakin untuk beri pinjaman tetapi mereka kata,

## INFO

### Penerima Anugerah Peladang Kebangsaan pada Maha 2006

**Pertubuhan Peladang Jaya**  
Ibrahim Atan  
Pertubuhan Peladang Kawasan  
Johor Bahru Selatan

**Peladang Jaya Lelaki**  
Jasmin Jasin  
Kaprima Livestock Sdn Bhd,  
Alor Gajah, Melaka

**Peladang Jaya Wanita**  
Jamilah Ali Mohamed  
Sungai Siput, Perak

**Peladang Muda Jaya**  
Zaidi Mohd Said  
Bertam Ulu, Melaka

**Unit Peladang Jaya**  
Sugimon Said  
Unit Peladang Kampung Betong,  
Kluang, Johor

Bank Pertanian dah ada. Saya harap bank jangan susah sangat nak bantu mereka ini.

"Bukan saja Bank Pertanian, tetapi Bank Pembangunan dan SME Bank juga perlu membantu kerana ada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) membabitkan industri berasaskan pertanian," katanya pada sidang media selepas merasmikan Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (Maha) 2006 di sini.

Abdullah turut merasmikan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan 2006 serta Taman Ekspo Pertanian Malaysia. Semua acara itu diadakan di taman ekspo seluas 84.4 hektar sehingga 26 November ini. Turut hadir, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Perdana Menteri juga meluangkan masa lebih tiga jam melawat gerai PKS dan tanaman orkid serta menikmati sajian pelbagai hidangan tempatan di pameran itu sebelum

meneruskan tinjauan ke kawasan ternakan.

Maha 2006 bertema 'Pertanian adalah Perniagaan' disertai 967 syarikat tempatan dan luar negara, yang terbesar sejak pameran itu diadakan pada 1999.

Abdullah berkata, maklum balas yang diterima menunjukkan sektor industri asas tani lebih mudah memperoleh pinjaman, berbanding pengusaha tanaman.

"Mungkin pihak bank bimbang tanaman dijangkiti penyakit dan menyebabkan mereka rugi," katanya yang berpuas hati dengan penyeritaan syarikat dalam Maha 2006 yang bertambah lebih empat kali ganda berbanding sebelum ini.

Mengenai pembabitkan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dalam sektor pertanian, Abdullah berharap mereka dapat merangka hala tuju untuk bersama membangunkan industri perladangan dan asas tani.

Beliau juga berharap selepas Maha 2006, akan muncul satu gelombang

baru untuk mengembangkan dan memajukan industri asas tani, sekali gus menambah pendapatan semua pihak yang terbabit dalam bidang itu.

Abdullah berkata, semua pihak perlu yakin sektor pertanian bukannya sesuatu yang tidak baik untuk dimajukan kerana negara maju juga masih membangunkan bidang itu.

"Yang penting, kita perlu meningkatkan mutu pengeluaran dan nilai tambah produk pertanian, selain memberi tumpuan kepada ilmu dan kemahiran. Kerajaan berjanji akan membantu sektor ini dengan menyediakan peruntukan yang sesuai," katanya.

Selain itu, Abdullah mengingatkan golongan muda supaya tidak hanya mengejar jawatan tinggi di bandar kerana sektor pertanian boleh menjadikan seseorang itu kaya.

"Jangan anggap anak yang berjawatan eksekutif itu saja yang berjaya, tetapi mereka yang bekerja di ladang, kebun getah, kelapa sawit dan menanam sayur itu juga sebenarnya boleh berjaya," katanya.